

FKSW UMS jayakan Kolokium Warisan Perubatan Pelbagai Budaya

UB 12.4.2017 A4

KOTAKINABALU: Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Unit Penyelidikan Warisan Borneo berjaya menganjurkan Kolokium Warisan Perubatan Pelbagai Budaya di Malaysia bertempat di Theatre Ahmad Nisfu FKSW, baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Penganjur yang juga Ketua Unit Warisan Penyelidikan Borneo Prof Madya Dr Low Kok On, kolokium itu bertujuan mengumpul pakar-pakar yang mengkaji tentang perubatan tradisional di negara ini.

“Sebanyak lima topik dibentangkan para penyelidik, antaranya ialah ‘Perubatan Tradisional dalam Kurun ke-21’ oleh Pensyarah FKSW Profesor Dr Hashim Awang AR; ‘Integrating



ISMAIL (kanan) menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang penceramah pada majlis penutupan.

Islamic Complimentary Healing into Modern Medicine’ oleh Prof Dr Supyan Hussin dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); dan *Future Trend of Traditional Chinese*

Medicine’ oleh Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) Dr Yam Mun Fei.

“Dua lagi topik yang disampaikan bertajuk *‘Thaipusam: The Power to*

Evoke Spirituality and Faith Healing through a Series of Ritualistic Practices’ juga dari USM iaitu Dr Mumtaz Aboo Backer sebelum diakhiri oleh Pensyarah Kanan Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan UMS, Julius

Kulip dengan topik bertajuk *‘Ethnomedicines in Sabah: A present Status’*,” katanya ketika ditemui media.

Low berkata selain UMS, UKM dan USM, program yang mendapat tajaan geran bernilai RM7

juta dari Kementerian Pendidikan Tinggi itu turut melibatkan para penyelidik dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

“Para penyelidik mengambil masa hampir empat tahun menghabiskan projek penyelidikan mereka.

“Melalui geran ini, mereka juga berjaya menyumbang penerbitan sebanyak 25 buku tidak termasuk beberapa jurnal antarabangsa serta penganjuran pelbagai seminar antarabangsa termasuklah penganjuran kolokium ini,” tambah beliau.

Kolokium sehari itu disertai 60 orang daripada kalangan penyelidik, kakitangan akademik dan pelajar UMS.

Program berakhir dengan penyampaian sijil yang disempurnakan Dekan FKSW Prof Dr Ismail Ibrahim kepada semua peserta.



SEBAHAGIAN peserta kolokium mengambil gambar kenangan.